

# "MB tolonglah kami!"

SINAR HARIAN  
31/10/2010

Penduduk tertekan masalah perparitan dan banjir berulang

**KAMPUNG. BINJAI BONGKOK** - "MB tolong kami!" Begituulah permintaan penduduk akibat tertekan dengan masalah sistem perparitan dan banjir yang berulang sejak sekian lama.

Rasa tidak tahan yang kian memuncak mendorong kepada wujud pertikaian sesama penduduk dan kini buntu dengan apa yang berlaku membuatkan penduduk menggesa campur tangan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said.

Penduduk, Ismail Mo-hamad, 64, berkata, masalah utama yang membelenggu penduduk di situ adalah ketiadaan sistem perparitan yang baik menyebabkan banjir berulang setiap tahun.

Bagaimanapun, keadaan menjadi lebih parah apabila lahan atas lebuhraya yang merentasi kampung itu dina binia sejak tiga tahun lalu.

"Rasa marah penduduk kian memuncak berikutan sudah lama kami merantikan masalah ini berakhir dan kami sudah beberapa kali mengadu masalah ini kepada pihak berkenaan tetapi tiada penyelesaian sehingga kini.

"Masalah ini juga sering mewujudkan pertikaian antara penduduk yang sepatutnya tidak berlaku dan wajar dihindari," katanya.

Ismail berkata, mereka sudah jemu dengan alasan masalah ketiadaan perparitan dan pengambalian baik tanah.



■ Penduduk Kampung Binjai Bongkok sudah tidak tahan menanggung masalah banjir berulang. Di belakang mereka ialah tapak cadangan bagi pembinaan sistem saliran di kawasan itu.

"Kami berpendapat masalah ini sepatutnya sudah lama diatasi dan tidak perlu menunggu sehingga bertahun lamanya," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Binjai Bongkok, Zai-

nuddin Salleh berkata, pada masa kini, masalah banjir sering berlaku di kawasan Jalan Alur Bongor, Baruh Muring dan Padang Air Deras.

Menurutnya, beberapa pucuk surat sudah diberikan kepada jabatan kerajaan berkenaan dan terbaru mingu- lalu, namun sehingga kini ta-

da maklum balas diterima.

"Saya harap permohonan ini dipercepatkan kerana tidak mahu masalah ini menjadi isu yang lebih besar ke- lak," katanya.

Mohd Nawi Ismail, 45, pula berkata, bagi meng- elakkan masalah banjir, pen- duduk terpaksa bergotong-

royong membuat saliran sementara.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak jabatan Pengairan dan Saliran (PJS) dan syarikat konsesi lebuhraya, MTD yang sudi memberi kerjasama membuat saliran sementara," katanya.



■ ZAINUDDIN



■ ISMAIL